



STATISTIK BENCANA KUMULATIF MULAI 15 SEPTEMBER 2025 SEHINGGA 1 OKTOBER 2025



* Data sehingga jam 12.00 tengah hari

PPS: Pusat Pemindahan Sementara



PERAK	
Daerah	: 1
Kekerapan	: 1
PPS	: 4
Keluarga	: 91
Mangsa	: 397
Kematian	: 0



SELANGOR	
Daerah	: 2
Kekerapan	: 3
PPS	: 4
Keluarga	: 56
Mangsa	: 192
Kematian	: 0

NEGERI SEMBILAN	
Daerah	: 1
Kekerapan	: 1
PPS	: 1
Keluarga	: 20
Mangsa	: 76
Kematian	: 0

KELANTAN	
Daerah	: 1
Kekerapan	: 1
PPS	: 1
Keluarga	: 48
Mangsa	: 209
Kematian	: 0

SARAWAK	
Daerah	: 5
Kekerapan	: 5
PPS	: 5
Keluarga	: 95
Mangsa	: 281
Kematian	: 0

SABAH	
Daerah	: 7
Kekerapan	: 9
PPS	: 34
Keluarga	: 1,254
Mangsa	: 4,103
Kematian	: 14





SITUASI TERKINI

- Fasa Peralihan Monsun telah bermula pada 30 September 2025 dan berterusan sehingga November 2025. Permulaan fasa ini menandakan berakhirnya Monsun Barat Daya yang telah bermula sejak 10 Mei 2025.
- Semasa fasa Peralihan Monsun, rantau negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah. Keadaan ini boleh mengalakkan pembentukan awan ribut petir yang lazimnya membawa kepada kejadian hujan lebat berserta angin kencang dalam tempoh masa yang singkat terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah dan Sarawak. Fenomena cuaca ini berpotensi menyebabkan banjir kilat, pokok tumbang, kepala air serta kerosakan pada struktur yang tidak kukuh.



RAMALAN CUACA 7 HARI (SEHINGGA 7 OKTOBER 2025)

- Secara amnya, rantau negara dijangka menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah dalam fasa peralihan monsun. Pada awal tempoh ramalan, angin timuran mempengaruhi rantau negara yang kemudiannya beralih kepada angin baratan sehingga ke akhir tempoh ramalan.
- Satu vorteks yang terbentuk di timur Filipina bergerak ke arah Barat Laut dengan intensiti yang semakin meningkat. Sistem ini dijangka boleh berubah menjadi ribut tropika dalam tempoh 24 jam, namun tidak memberikan kesan signifikan terhadap Malaysia. Sehubungan itu, tiupan angin di rantau negara serta Laut China Selatan dijangka semakin meningkat berikutan penumpuan angin yang boleh mempengaruhi keadaan cuaca semasa.
- Semasa fasa Peralihan Monsun, ribut petir dan hujan lebat berserta angin kencang dalam tempoh masa yang singkat dijangka berlaku terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di barat dan pedalaman Semenanjung Malaysia, barat Sabah dan Sarawak.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



MAKLUMAT GEMPA BUMI SERANTAU

- Terdapat satu kejadian gempa bumi terbaru yang direkodkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) di Johor sejak gempa bumi yang terakhir direkodkan pada 30 Ogos 2025 yang lalu. Maklumat kejadian gempa bumi di Johor seperti jadual yang berikut dan di **Lampiran 1**.

Bil.	Tarikh	Masa	Magnitud	Lat Long	Lokasi
1	24/08/2025	6.13 pagi	4.1	2.51°N 102.76°E	5km Barat Segamat
2	24/08/2025	9.00 pagi	2.8	2.18°N 103.12°E	28km Barat Laut Kluang
3	27/08/2025	8.59 pagi	3.2	2.33°N 102.79°E	18km Selatan Segamat
4	28/08/2025	7.56 malam	2.5	2.62°N 102.78°E	13km Utara Segamat
5	29/08/2025	4.24 pagi	3.4	2.70°N 102.90°E	22km Timur Laut Segamat
6	30/08/2025	7.29 pagi	2.7	2.50°N 102.80°E	2km Barat Laut Segamat
7	27/09/2025	9.04 pagi	3.5	1.70°N 103.10°E	25km Tenggara dari Batu Pahat

- Terdapat juga satu kejadian gempa bumi kuat bermagnitud 6.9 telah berlaku di Leyte, Filipina pada pukul 9:59 malam, 30 September 2025. Pusat gempa bumi tersebut terletak 11.2° Utara dan 124.2° Timur dengan kedalaman 10 km dan jarak 50 km Barat Laut dari Ormoc, Filipina. Gegaran dirasai di sekitar Sandakan, Sabah, namun tiada ancaman tsunami kepada Malaysia.
- Pada jam 12:49 pagi, 1 Oktober 2025, gempa bumi kuat telah berlaku di Laut Bali, Indonesia. Pusat gempa bumi tersebut terletak 7.2° Selatan dan 114.2° Timur dengan kedalaman 10 km dan jarak 128 km Timur Laut dari Probolinggo, Indonesia. Tiada gegaran dirasai di Malaysia dan tiada ancaman tsunami kepada Malaysia.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



LAPORAN SITUASI SEMASA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

1 OKTOBER 2025

3



STATUS CUACA PANAS

- Bagi status cuaca panas terkini pada **30 September jam 4.00 petang**, tiada daerah yang mencatatkan cuaca panas **Tahap 1** seperti di **Lampiran 2**.
- Bagi tempoh dari **1 - 15 Oktober 2025** dijangkakan corak cuaca yang sama akan berlaku di mana tiada kawasan yang dijangka mencatatkan cuaca panas Tahap 1.
- Untuk rujukan, **Tahap 1 (berjaga-jaga: suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut)**, **Tahap 2 (gelombang haba: suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut)** dan **Tahap 3 (gelombang haba ekstrem: suhu maksimum harian melebihi 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut)**.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



HEBAHAN RAMALAN KEMARAU BAGI LEMBANGAN SUNGAI

- Tiada hebahan ramalan kemarau terkini yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sehingga 15 September 2025.
- Satu stesen kadar alir masih menunjukkan kadar alir sungai di bawah normal iaitu **Sungai Pahang di Temerloh, Pahang** yang telah dikemas kini pada 23 September 2025.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



STATUS STORAN EMPANGAN

- Pada **30 September 2025**, terdapat **satu empangan** yang berada pada paras **amaran** iaitu **Empangan Muda, Kedah (24.91%)** dan **satu empangan** yang berada pada paras **waspada** iaitu **Empangan Ahning, Kedah (53.01%)** seperti di **Lampiran 3**.
- Empangan Muda dan Empangan Ahning di Kedah berada di bawah paras normal bermula 5 Ogos 2025.

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



STATUS PENCEMARAN UDARA

- Bagi status pencemaran udara terkini pada **1 Oktober 2025 jam 1.00 tengah hari**, **tiada kawasan** yang merekodkan kualiti udara yang tidak sihat dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 100 seperti di **Lampiran 4**.
- Untuk rujukan, bacaan IPU 0 - 50 (**baik**), 51 - 100 (**sederhana**), 101 - 200 (**tidak sihat**), 201 - 300 (**amat tidak sihat**) dan melebihi 300 (**merbahaya**).

Sumber : Jabatan Alam Sekitar (JAS)



STATUS JEREBU SERANTAU

- Berdasarkan kepada imej satelit NOAA-20 pada 30 September 2025 yang direkodkan oleh *Asean Specialized Meteorological Centre (ASMC)* menunjukkan **tiada titik panas dikesan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak**. Hanya empat titik panas sahaja dikesan di Sumatera, manakala tiada titik panas dikesan di Kalimantan seperti di **Lampiran 5**.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



RINGKASAN PENYAKIT BERKAITAN CUACA PANAS

- Pada **30 September 2025**, satu kes penyakit berkaitan dengan cuaca panas dilaporkan. Kumulatif kes berkaitan dengan cuaca panas bagi tahun 2025 adalah **48 kes**. Pecahan kes mengikut diagnosis adalah **43 kes kelesuan haba** dan **lima kes strok haba exertional**.
- Bilangan keseluruhan kes berkaitan cuaca panas mengikut negeri adalah 12 kes di Selangor, tujuh kes masing-masing di Perak dan Sabah, lima kes masing-masing di Melaka dan Johor, empat kes di Terengganu, tiga kes masing-masing di Negeri Sembilan dan Pahang serta dua kes di Kedah. Pecahan kes mengikut umur adalah **22 kes remaja**, **25 kes dewasa** dan **satu kes warga emas**.
- **Tiada kes kematian berkaitan cuaca panas dilaporkan** dari 1 Januari 2025 hingga 30 September 2025. Kesemua kes penyakit berkaitan cuaca panas telah sembuh dan dicaj dari pusat rawatan.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

BANJIR DAN TANAH RUNTUH DI SABAH

- YAB Perdana Menteri pada 15 September 2025 telah mengumumkan peruntukan segera sebanyak RM10 juta akan disalurkan melalui NADMA kepada Kerajaan Negeri Sabah. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk diagihkan kepada mangsa yang terkesan akibat bencana yang sedang melanda Negeri Sabah melalui pemberian Bantuan Wang Ihsan (BWI) dan BWI Kematian.
- Pada 17 September 2025, YAB Timbalan Perdana Menteri telah tiba di Sabah untuk menyantuni mangsa banjir. Seterusnya, pada 19 September 2025, YAB Perdana Menteri telah mengadakan lawatan kerja sehari ke Sabah bagi meninjau situasi bencana banjir dan tanah runtuh.
- Sehingga 30 September 2025, sebanyak 147 program Community Based Disaster Risk Management (CBDRM) telah dilaksanakan di seluruh negara, melibatkan 36,744 peserta yang terdiri daripada ketua komuniti, belia, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti luar bandar. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah melaksanakan program tersebut dengan kerjasama rakan strategik antaranya termasuklah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Majlis Amanah Rakyat (MARA) serta universiti awam dan swasta.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

Tips Sewaktu Berlaku Banjir:

Sebelum banjir:

- ✓ Kenal pasti kawasan berisiko banjir di sekitar tempat tinggal.
- ✓ Sediakan beg kecemasan berisi dokumen penting, makanan kering, pakaian, ubat-ubatan dan peralatan kecemasan.
- ✓ Simpan nombor penting dan pasukan penyelamat.
- ✓ Pastikan longkang, parit dan saluran air di sekitar rumah sentiasa bersih.
- ✓ Kenal pasti PPS terdekat..

Semasa banjir:

- ✓ Patuhi arahan berpindah daripada pihak berkuasa.
- ✓ Putuskan bekalan elektrik dan gas jika rumah mula dinaiki air.
- ✓ Elakkan merentas jalan atau sungai yang dinaiki air deras.
- ✓ Gunakan hanya sumber air bersih dan makanan selamat.
- ✓ Sentiasa bersama ahli keluarga dan pastikan kanak-kanak diawasi.
- ✓ Ikuti perkembangan cuaca dan maklumat rasmi daripada pihak berkuasa

Selepas banjir:

- ✓ Pulang ke rumah hanya selepas pengesahan pihak berkuasa bahawa kawasan selamat.
- ✓ Periksa struktur rumah, terutama dinding, lantai, bumbung dan kabel elektrik.
- ✓ Elakkan menggunakan peralatan elektrik yang terkena air sebelum diperiksa.
- ✓ Bersihkan rumah dengan langkah keselamatan dengan menggunakan sarung tangan, kasut getah, pelitup muka.
- ✓ Buang makanan dan ubat yang terdedah kepada air banjir.
- ✓ Dapatkan rawatan segera jika mengalami simptom penyakit bawaan air.

Tips Sewaktu Berlaku Gempa Bumi:

Sebelum berlaku gegaran (persediaan awal):

- ✓ Simpan kit kecemasan (air minuman, lampu suluh, ubat-ubatan, *power bank*, radio bateri).
- ✓ Kenal pasti tempat selamat di rumah, contohnya bawah meja kukuh atau berhampiran tiang rumah.
- ✓ Pastikan barang berat atau mudah jatuh (almari, TV, pasu besar) dipasang atau diletakkan dengan stabil.
- ✓ Rancang dengan ahli keluarga tempat berkumpul jika perlu keluar rumah.

Semasa gegaran:

- ✓ Jangan panik: terus berlindung di bawah meja atau berhampiran struktur kukuh.
- ✓ Jika dalam bangunan: jangan guna lif, keluar ikut tangga kecemasan bila sudah selamat.
- ✓ Jika di luar: jauhi bangunan, tiang elektrik, atau pokok besar.


Selepas gegaran:

- ✓ Periksa keadaan rumah: pastikan tiada keretakan serius atau kebocoran gas.
- ✓ Dengar pengumuman rasmi daripada MET Malaysia, NADMA atau pihak berkuasa sebelum kembali ke dalam rumah.
- ✓ Bersedia untuk gegaran susulan (*aftershock*) yang mungkin kecil tetapi boleh mengejutkan.




LOKASI KEJADIAN GEMPA BUMI PADA PETA SESAR SEMENANJUNG MALAYSIA

DARI 24 OGOS 2025 HINGGA 27 SEPTEMBER 2025





STATUS CUACA PANAS
PADA 30 SEPTEMBER 2025 JAM 4.00 PETANG




- / Garisan Sempadan
- Suhu maksimum harian kurang daripada 35°C
- **TAHAP 1 (BERJAGA-JAGA)**
Suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut telah direkodkan
- **TAHAP 2 (GELOMBANG HABA)**
Suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut telah direkodkan
- **TAHAP 3 (GELOMBANG HABA EKSTRIM)**
Suhu maksimum harian melebihi 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut telah direkodkan

Tahap 1	-
Tahap 2	-
Tahap 3	-




STATUS STORAN EMPANGAN
PADA 30 SEPTEMBER 2025




Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



INDEKS PENCEMARAN UDARA (IPU)
PADA 1 OKTOBER 2025 JAM 1.00 TENGAH HARI




Total Station : 68





BILANGAN TITIK PANAS SERANTAU
PADA 30 SEPTEMBER 2025



KAWASAN		TARIKH						
		24/9	25/9	26/9	27/9	28/9	29/9	30/9
Indonesia	Kalimantan	145	29	154	205	78	5	0
	Sumatra	105	85	23	9	5	0	4
Malaysia	Sabah & Sarawak	3	0	3	14	7	0	0
	Semenanjung	5	2	0	0	0	1	0

Petunjuk: meningkat menurun kekal